

Berian/Barian Perkahwinan Bajau Kota Belud di Sabah: Satu Tinjauan Dini

Berian/Barian in the Kota Belud Bajau Wedding Ceremonies in Sabah: A Preliminary Study

SAIDATUL NORNIS MAHALI

ABSTRAK

Pemberian/permintaan perkahwinan bukanlah satu perkara baru yang diamalkan malah dalam kebanyakan budaya tradisi di dunia sudah lama mengamalkan budaya sedemikian. Terdapat pelbagai tafsiran diberikan terhadap pemberian/permintaan perkahwinan sama ada bersifat mas kahwin, ganti rugi, douri, pembayaran menggunakan wang ataupun benda. Setiap pemberian/permintaan perkahwinan berkenaan penting untuk dipenuhi agar sesuatu perkahwinan itu boleh dilangsungkan. Selain untuk menyatukan pasangan lelaki dan perempuan, pemberian/permintaan perkahwinan turut membawa maksud tersirat yang hanya difahami oleh ahli pendukung sesuatu budaya itu. Memandangkan pemberian atau permintaan perkahwinan ini masih tegar diamalkan dalam kalangan orang-orang Bajau di daerah Kota Belud, Sabah, maka, kajian ini telah dilaksanakan di tiga buah kampung di daerah berkenaan, iaitu kampung Taun Gusi, kampung Timbang Dayang dan kampung Kulambai. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta, temu bual dengan para responden dan rakaman semasa proses peminangan berlaku. Hasil kajian ini mendapati setiap pemberian atau permintaan perkahwinan itu merupakan satu keutamaan yang perlu disepakati sebelum perkahwinan dilangsungkan. Sekiranya wujud ketidaksepakatan dalam permintaan berkenaan maka, proses pertunangan dan perkahwinan akan terjejas sekaligus, menyebabkan lahir rasa tidak senang antara dua buah keluarga yang terlibat. Justeru, makalah ini diusahakan untuk mendiskusikan salah satu bentuk pernyataan identiti melalui adat perkahwinan dalam kalangan etnik Bajau khususnya, dalam aspek pemberian/permintaan perkahwinan yang dikenali sebagai berian dalam budaya Bajau.

Kata kunci: Bajau; berian; Kota Belud; adat perkahwinan; identiti Bajau

ABSTRACT

Advertising a bride's wealth during marriage ceremonies is not new. The custom has been practiced amongst most traditional cultures in the world. Various interpretations have been ascribed to this practice, it has been considered a dowry, a form of compensation, or a payment made in the form of money or material goods. In addition to uniting a man and a woman, these exchanges also convey symbolic meanings understood only by the people who practice that particular culture. Whatever form of bridewealth a marriage demands, the practice remains an important aspect of most cultures as it normally conveys the status of the individual's concerned. Therefore, this paper considers the significance of bridewealth as an expression of social status among the Bajau of Kota Belud district, Sabah where the practice of giving and receiving 'berian' is still widely employed. This study was conducted in three villages, namely Taun Gusi, Timbang Dayang and Kulambai using the participant-observer method of interviews with respondents, but also by filming engagement ceremonies. This study claims that each asking and giving of 'berian' is an important transaction that needs to be concluded before a marriage is contracted. If disagreements arise in the asking and giving process, the impending engagement and marriage of the couple will be jeopardised, and potentially upsets the delicate social balance between the two families involved. Therefore, this article also considers the forms of identity that are linked to Bajau marriage customs.

Keywords: Bajau; berian; Kota Belud; marriage customs; Bajau identity

PENGENALAN

Perkahwinan adalah satu bentuk pengiktirafan sosial berhubung penyatuan antara lelaki dan perempuan yang membenarkan hubungan intim lelaki-perempuan, hak ekonomi dan tanggungjawab antara mereka dalam institusi perkahwinan. Dengan perkataan lain, perkahwinan itu merupakan satu 'kontrak implisit' antara lelaki dan perempuan yang mereka persetujui bersama (Ferraro 2012). Pelaksanaan sesebuah perkahwinan pula berbeza-beza, bergantung kepada budaya yang didukung dan, ia turut perlu mematuhi aturan-aturan adat yang telah disepakati oleh ahli-ahli masyarakat. Aturan-aturan adat itu biasanya berkaitan dengan budaya yang didukung oleh masyarakat berkenaan. Dalam konteks Sabah yang mempunyai pelbagai suku etnik, ia mendatangkan pelbagai ragam dan rupa wajah aturan adat yang telah diamalkan sejak berzaman.

Melalui perkahwinan, ikatan sosial yang paling asas akan terbentuk. Bermula daripada keluarga asas akan terbentuklah keluarga yang besar dan seterusnya, akan berkembang membentuk sebahagian atau menjadi ahli dalam masyarakat. Keluarga merupakan satu konsep sejagat. Murdock (1947) menjelaskan keluarga adalah satu kelompok sosial yang mempunyai ciri-ciri petempatan yang sama, kerjasama ekonomi dan pengembangan zuriat. Di dalam keluarga terdapat orang dewasa daripada kedua-dua jantina dan sekurang-kurangnya dua orang daripada mereka terdiri daripada pasangan perkahwinan yang telah diterima umum. Mereka ini juga mungkin telah memperoleh anak sama ada anak sendiri ataupun anak angkat. Keluarga juga merupakan satu institusi yang anggota-anggotanya memainkan peranan yang berbeza. Selain itu, keluarga juga memainkan pelbagai fungsi antaranya sebagai pusat penjagaan anak, pusat pelajaran, perlindungan dan pengembangan zuriat. Sistem keluarga terbahagi kepada dua, iaitu keluarga asas dan keluarga luas (Norazit 1993).

KAEDAH PENELITIAN

Penelitian dini ini dijalankan di daerah Kota Belud kerana orang-orang Bajau di daerah ini masih mempertahankan dan mengamalkan budaya Bajau. Tiga buah kampung di daerah Kota Belud dipilih untuk meneliti tentang pemberian/permintaan dalam perkahwinan, iaitu kampung Taun Gusi, kampung Timbang Dayang dan kampung Kulumbai. Ketiga-tiga kampung tersebut dipilih kerana kedudukan kampung ini yang berada jauh daripada Pekan Kota Belud dan, lokasi sedemikian memungkinkan kurangnya pengaruh luar daripada menerobosi adat tradisi yang telah lama diamalkan. Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta, serta temu bual dengan para informan terpilih, yakni individu-individu yang

menjadi wakil dalam proses peminangan serta rakaman semasa proses peminangan berlaku.

Kaedah pemerhatian ikut serta dilakukan dengan melibatkan diri semasa proses peminangan dilakukan. Semua proses perbincangan awal antara ahli keluarga lelaki hingga akhir peminangan diperhatikan dan dicatat. Hal ini perlu dilakukan agar semua permintaan dan nilai *berian/barian* yang diminta oleh pihak perempuan dapat diketahui dan tidak disalah tafsir. Fokus pemerhatian diberi kepada perbincangan dan perbualan antara wakil keluarga lelaki dengan wakil keluarga perempuan. Perbualan berkenaan dirakam agar semua bahan perbincangan berkenaan dapat didengar ulang semula. Selepas semua proses peminangan selesai, satu temu bual tidak berstruktur diatur dengan ketua rombongan wakil pihak perempuan. Temu bual tidak berstruktur berkenaan dijalankan dengan tujuan untuk mendapat penjelasan lebih lanjut tentang jumlah *berian/barian* dan perkara-perkara lain yang diminta yang berhubung kait dengan status gadis yang dipinang. Temu bual tidak berstruktur juga dibuat dengan individu-individu yang mengetahui dan arif tentang adat dan budaya tradisi Bajau, yakni individu yang dipercayai dalam masyarakat dan sentiasa dirujuk berkaitan dengan adat istiadat Bajau. Temu bual tersebut dilakukan dengan tujuan untuk mengesahkan tentang nilai *berian/barian* dan permintaan-permintaan lain yang diminta oleh pihak perempuan semasa peminangan. Kaedah pemerhatian ikut serta ini digunakan agar penyelidik dapat merasai sendiri suasana sebenar semasa proses peminangan supaya proses tersebut diketahui dan difahami dengan baik tanpa bias. Selain itu, temu bual tidak berstruktur dipilih agar para informan berkenaan berasa selesa menjawab semua soalan spontan berkaitan dengan hal-hal peminangan. Sekiranya temu bual dilaksanakan secara berstruktur maka, dikhuatiri para informan akan berasa tidak selesa kerana perlu menjawab berdasarkan soalan-soalan yang telah disediakan sebaliknya, temu bual tidak berstruktur akan membolehkan para informan mengulas semula permintaan-permintaan yang telah diminta oleh pihak perempuan dan konteks itu akan membolehkan para informan membincangkannya dengan santai tanpa rasa tertekan.

ORANG-ORANG BAJAU

Sebanyak 35 suku kaum menghuni bumi Sabah telah mewujudkan pelbagai variasi budaya dan bahasa. Salah satu suku kaum yang mendominasi negeri ini adalah suku kaum Bajau. Suku kaum ini berjumlah 343,178 orang (Jabatan Perangkaan Sabah 2013) daripada jumlah keseluruhan penduduk Sabah dan, mereka dapat dibahagikan kepada dua kawasan utama di Sabah, iaitu di kawasan pantai barat dan pantai timur Sabah. Mereka gemar dikenali sebagai *Sama* atau Bajau. Istilah *Sama* merupakan kata panggilan yang digunakan sesama ahli

kelompok Bajau manakala, istilah Bajau digunakan oleh individu yang bukan dalam kelompok Bajau. Mereka turut dikenali dengan panggilan berasaskan tempat kediaman seperti Bajau Kota Belud, Bajau Tuaran, Bajau Papar dan Bajau Semporna (Saidatul Nornis 2008). Di daerah Kota Belud, mereka berkemahiran sebagai petani dan penunggang-penunggang kuda (Harrison 1974). Daerah lain yang turut didiami oleh kelompok ini ialah Kudat, Tuaran, Putatan, Papar dan sekitar Kota Kinabalu. Manakala di pantai timur Sabah, mereka mendominasi daerah Semporna, sekitar Teluk Darvel, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau. Di kawasan ini, kebanyakan mereka menjadi nelayan yang berjaya.

MEMINANG (*MENDO*)

Seperti mana masyarakat lain di Asia, perkahwinan orang-orang Bajau Kota Belud dimulai dengan proses risikan terhadap gadis yang akan dipinang. Proses risikan ini dinamakan sebagai *tilau-tilau idaan* yang biasanya akan memperlihatkan penggunaan *bemanuk-manuk*, iaitu bahasa kiasan khusus untuk peminangan sahaja. Cara merisik hampir sama dengan cara yang diamalkan oleh suku kaum lain, iaitu dengan melantik wakil bagi menemui keluarga gadis untuk mendapatkan kepastian bahawa gadis itu belum mempunyai ikatan dan secocok dengan keinginan pihak lelaki berkaitan rupa paras, budi bahasa serta martabat keluarganya, kemudian diikuti upacara meminang (*pesorong mendo*).

Semua perkara yang berkait dengan adat akan diperjelaskan semasa *mendo*, yakni upacara peminangan rasmi. Status individu/gadis yang dipinang itu akan diketahui semasa *mendo*. Sekiranya peminangan itu diterima oleh pihak perempuan maka, pihak lelaki akan membincangkan *penongot*, yakni proses membincangkan pemberian pihak lelaki kepada pihak perempuan termasuklah *berian/barian*, belanja kahwin, hantaran dan permintaan-permintaan lain dalam adat. Proses tersebut dikenali sebagai *ngatur penongot* yang secara literal bermaksud 'mengatur permintaan/mahar perkahwinan'. Selepas semua rundingan dan perbincangan peminangan dilaksanakan dan dipersetujui bersama maka, barulah upacara pertunangan (*seruan*) akan dirasmikan. Tempoh pertunangan biasanya berlangsung selama enam bulan ke setahun untuk membolehkan pihak lelaki membuat persediaan (temu bual: Hj. Ibrahim bin Kadir).

Mendo dititikberatkan dalam kalangan masyarakat Bajau tradisi. Hal ini kerana, penerusan darah keturunan dan penentuan generasi berikutnya ditentukan semasa proses ini. Oleh yang demikian, setiap aspek adat itu akan diambil kira dan seluruh ahli keluarga terdekat sama ada daripada sebelah bapa atau sebelah ibu si gadis atau wakil kedua-dua belah pihak perlu ikut serta dalam proses perbincangan *mendo*. Hal ini sangat ditegaskan kerana *mendo* dari kaca mata Bajau bukan sekadar

menghalalkan hubungan lelaki-perempuan malah ia menjangkau lebih daripada itu. *Mendo* secara tidak langsung membawa bersama-samanya perlambangan status individu yang telah turun-temurun diraikan.

BERIAN/BARIAN

Dalam Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003) dicatatkan bahawa *berian/barian* bermaksud mahar atau mas kahwin. Definisi serupa dicatat dalam Kamus Bahasa Melayu Brunei (2007).

Orang-orang Bajau mengenali mas kahwin sebagai *berian*. Di Sabah, penggunaan istilah *barian/berian* yang merujuk kepada mahar atau mas kahwin bukan hanya digunakan oleh orang-orang Bajau sebaliknya, terminologi sama digunakan oleh kumpulan-kumpulan etnik lain seperti orang-orang Kadazandusun, Murut, Rungus, Iranun, Bisaya, Lotud, Tidong dan kumpulan-kumpulan etnik lain (Zaini 1969; Galvin 1990; Datu Bandira 1992; Noor Risma Salfina 2006; Ismail 2007).

Berian/barian dalam kalangan kelompok etnik di Sabah boleh berupa pelbagai benda seperti tajau, tombak, lembing, keris, dan sebagainya; haiwan khususnya kerbau dan lembu, dan permintaan bersifat wang ringgit. Ada antara kumpulan etnik yang meminta *berian/barian* seumur hidup atau yang dikenali sebagai '*barian seumur hidup*' misalnya dalam kalangan etnik Murut dan Rungus (Zaini 1969; Galvin 1990; Noor Risma Salfina 2006; Ismail 2007). Dalam kalangan orang-orang Bajau Kota Belud, *berian/barian* dibahagikan kepada tiga perkara, iaitu i) mas kahwin; ii) hantaran; dan iii) hak waris. Mas kahwin adalah pemberian khusus untuk gadis yang dipinang. Ia boleh berupa wang ataupun sesuatu yang bersifat material. Hantaran pula mengandungi semua perbelanjaan yang akan digunakan semasa majlis perkahwinan itu kelak; dan hak waris yang diberi berdasarkan *pikulan*. *Pikulan* dibayar oleh pihak lelaki. *Pikulan* juga melambangkan ikatan kekeluargaan yang kukuh (Radik 2013). Ia merupakan adat-adat yang dikongsi dengan sanak saudara berdasarkan darah keturunan gadis berkenaan misalnya, jika gadis itu mempunyai darah keturunan Bajau, Dusun, Brunei dan Cina maka, kesemua waris-waris daripada darah keturunan berkenaan berhak untuk mendapat adat hak waris yang berupa wang.

Berian/barian Bajau ditentukan semasa upacara *mendo*, ia tidak direka sesuka hati oleh anggota masyarakat Bajau. Sebaliknya, adat tradisi Bajau itu sudah diperturunkan sejak berzaman lamanya. Keakuran terhadap tuntutan adat itu menunjukkan betapa adat tetap utuh diikuti meskipun masa bergerak pantas meninggalkan zaman tradisi. Tidak banyak perubahan yang dibuat terhadap permintaan *berian/barian* Bajau. Berkemungkinan ada sesetengah orang akan berasa hairan terhadap *berian/barian* yang mungkin dianggap aneh atau keterlaluan khususnya dari kalangan yang

berbeza kumpulan etnik/bangsa dengan gadis yang dipinang. Terdapat sesetengah kes peminangan yang cuba ditolak oleh pihak keluarga perempuan dengan mengenakan *berian/barian* yang agak tinggi. Misalnya, keluarga pihak lelaki akan diminta menyediakan *berian/barian* sebanyak tiang rumah perempuan yang dipinang. Nilai *berian/barian* itu pula diberikan seperti RM1000 bagi sebatang tiang. Hal sedemikian itu menandakan pihak keluarga perempuan 'berat' untuk melepaskan anak perempuannya dan, mereka meminta suatu *berian/barian* yang mempunyai nilai tinggi dengan harapan pihak lelaki tidak mampu menyediakannya *berian* sebanyak itu. Sekiranya pihak lelaki masih mampu untuk menyediakan *berian/barian* yang mahal itu maka, keluarga pihak perempuan terpaksa melepaskan anak mereka kerana *berian/barian* telah dipersetujui bersama.

Berian/barian sebagai lambang identiti etnik; maruah; hak; keturunan; perubahan taraf status individu, yakni daripada bujang kepada berkahwin; keahlian kelompok; dan jati diri individu berkenaan daripada kaca mata seluruh ahlinya. Tanpa *berian/barian* yang berpada, gadis yang dipinang itu seperti 'kehilangan' kesemua perlambangan berkenaan yang secara tidak langsung seolah-olah keahliannya dinafikan di dalam masyarakat. Justeru, untuk mengetahui dan memahami setiap inti kandungan *berian/barian* maka, perlu diperinci dan didiskusikan *berian/barian* bagi ketiga-tiga kategori *jomo* dalam budaya Bajau. Dengan lain perkataan, *berian/barian* merupakan satu permintaan dan pemberian yang diberikan oleh keluarga pihak lelaki kepada keluarga pihak perempuan.

HASIL KAJIAN

Penelitian dini ini dibincangkan menerusi beberapa subtopik berikut untuk memudahkan pemahaman terhadap konsep *berian/barian* Bajau, iaitu (1) *Berian/barian* Bajau berasaskan keturunan; (2) Makna dalam *berian/barian*; (3) Perubahan nilai *berian/barian*; dan (4) keunikan *berian/barian*.

BERIAN/BARIAN BAJAU BERASASKAN KETURUNAN

Orang-orang Bajau di daerah Kota Belud mempunyai *berian/barian* berbeza berdasarkan status dan keturunan individu. Di daerah ini, terdapat tiga kategori 'orang' yang dijadikan sandaran sebagai status keturunan. Status keturunan ini mencerminkan penentuan bentuk hubungan antara lelaki dan perempuan yang berkahwin dengan keluarga pihak lelaki dan perempuan masing-masing. Hubungan ini adalah hubungan yang berterusan. Hasil daripada hubungan ini wujud aturan timbal balik dan juga tanggungjawab antara suami isteri dan, antara mereka dengan anak-anak.

Tiga kategori itu dikenali sebagai (1) *jomo datu* (orang datu); (1) *jomo sepu* (orang sepuluh); dan (3)

jomo pitu' (orang tujuh). Ketiga-tiga *jomo* (orang) ini mendatangkan nilai dan inti *berian/barian* berbeza yang secara tidak langsung mengidentifikasikan status individu dalam kelompok besar masyarakat Bajau. Secara umum, *jomo datu* bermaksud orang yang berdarah/berketurunan datu/kedatuan, yakni kelompok yang dianggap tertinggi dalam hierarki keturunan orang-orang Bajau. Individu-individu yang berdarah *datu* dahulunya berasal daripada kelompok pemimpin dan orang kaya-kaya. *Jomo sepu* pula dimaksudkan sebagai orang sederhana yang berada dalam posisi pertengahan antara kelompok atasan dengan kelompok bawahan manakala, *jomo pitu*' merupakan kelompok orang biasa yang berada di hierarki terakhir dalam budaya Bajau. Permintaan *berian/barian* semasa *mendo* bagi ketiga-tiga kategori ini berbeza dan perlu diperjelaskan agar penerusan keturunan ke generasi berikutnya jelas dan tidak dipertikaikan. Sekiranya berlaku salah tafsir darah keturunan maka, hal-hal sedemikian boleh mendatangkan *diat/denda* adat. Denda adat merupakan peraturan dan undang-undang yang diamalkan secara turun-temurun. Sesiapa yang melanggarnya boleh dihukum. Denda adat ini dilaksanakan bagi menjamin hak anggota masyarakat dan memastikan masyarakat hidup dalam keadaan aman dan selesa (Mat Noor, Che Maryam & Zuliza 2012).

Huraian serta perincian *berian/barian* di bawah ini didasari kepada keturunan setiap orang (*jomo*) yang berbeza dalam budaya Bajau.

1. *Berian Jomo Datu*

15 *pikul/lukut*. *Pikul* bermaksud timbang-tara antara individu yang melaksanakan rundingan. Perkataan *pikul* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Melayu manakala, perkataan *lukut* adalah bahasa Bajau klasik. Kedua-dua kata membawa makna yang sama. *Pikul* pula dinilai setiap satunya bersamaan dengan RM20 (pada masa dahulu).

10 ekor lembu *serian*. Lembu *serian* ialah lembu yang dirujuk hanya mempunyai satu 'adik'.

Bil.	Adat Istiadat	Jumlah Pikulan	Nilai RM
1	Kuda (satu ekor, sihat dan besar, betina/jantan)	2 pikul	40
2	Kerbau (satu ekor, sihat dan besar, betina/jantan)	2 pikul	40
3	Tawag/Gong (satu pasang)	2 pikul	40
4	Pedati (satu laras)	1 pikul	20
5	Rentaka (satu laras)	1 pikul	20
6	Karis (satu bilah)	1 pikul	20
7	Bujak/Lembing (satu bilah)	1 pikul	20
8	Selapa' (satu set lengkap)	1 pikul	20
9	Pelit	4 pikul	80
JUMLAH PIKULAN		15	300

Untuk kategori *jomo datu*, *tekok berian* adalah seekor kerbau betina, mas kahwin atau *berian* sebanyak RM300 dan semua *lukut* mesti disebut/dinyatakan dalam proses peminangan itu.

2. Berian Jomo Sepu

10 pikul.
8 ekor lembu *serian*.

Bil.	Adat Istiadat	Jumlah Pikulan	Nilai RM
1	Kuda (satu ekor, sihat dan besar)	2 pikul	40
2	Kerbau (satu ekor, sihat dan besar)	2 pikul	40
3	Tawag/Gong (satu pasang)	2 pikul	40
4	Pedati (satu laras)	1 pikul	20
5	Rentaka (satu laras)	1 pikul	20
6	Karis (satu bilah)	½ pikul (satu <i>senantan</i>)	10
7	Bujak/Lembing (satu bilah)	½ pikul (satu <i>senantan</i>)	10
8	Selapa' (satu set lengkap)	1 pikul	20
JUMLAH PIKULAN		10 pikul	200

Untuk kategori *jomo sepupu*, *tekok berian* adalah seekor kerbau betina, mas kahwin atau *berian* sebanyak RM200 dan semua *lukut* mesti disebut/dinyatakan dalam proses peminangan itu.

Dalam konteks di atas, *senantan* bermaksud separuh pikulan atau dikenali juga sebagai 1 *senantan*.

3. Berian Jomo Pitu'

7 pikul/*lukut*.
7 ekor lembu *serian*.

Bil.	Adat Istiadat	Jumlah Pikulan	Nilai RM
1	Kuda (satu ekor, sihat dan besar)	1 pikul	20
2	Kerbau (satu ekor, sihat dan besar)	1 pikul	20
3	Tawag/Gong (satu pasang)	1 pikul	20
4	Pedati (satu laras)	1 pikul	20
5	Rentaka (satu laras)	1 pikul	20
6	Karis (satu bilah)	1 pikul	20
7	Bujak/Lembing (satu bilah)	1 pikul	20
JUMLAH PIKULAN		7 Pikul	140

Untuk kategori *jomo pitu'*, *tekok berian* adalah seekor kerbau betina, mas kahwin atau *berian* sebanyak RM140 dan semua *lukut* mesti disebut dalam proses peminangan itu.

4. Adat-istiadat lain

Selain isi *berian/barian* yang utama, beberapa inti kandungan *berian/barian* lain turut diminta semasa peminangan. Permintaan itu adalah serupa bagi semua kategori *jomo* sebagaimana yang diperincikan seperti di bawah ini.

Dalam budaya Bajau, setiap individu mempunyai adat-adat suku kaum yang berbeza. Hal ini berlaku kerana kebanyakan orang-orang Bajau berkahwin campur, yakni mereka berkahwin dengan orang Dusun, Iban, Suluk, Cina, Brunei dan suku-suku etnik lain. Semasa peminangan, adat-adat suku kaum (hak waris) ini akan diminta sebagai sebahagian daripada isi kandungan *berian/barian*. Meskipun demikian, sekiranya gadis Bajau yang dipinang itu tidak mempunyai darah campuran maka, adat suku kaum tidak akan diminta. Nilai bagi setiap adat-adat suku kaum itu seperti berikut.

- a) *Suaka* (keturunan Iranun). *Suaka* merupakan adat Iranun. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai darah keturunan Iranun maka, *suaka* tidak akan diminta dan sebaliknya. Biasanya *suaka* dibayar sebanyak 1 *pikul*.
- b) *Idaan* (keturunan Dusun) dibayar sebanyak 1 *pikul* (tertakluk kepada waris)
- c) *Pelit* dibayar sebanyak 4 *pikul* kedatuan. *Pelit* bermaksud 'saguhati' kepada sanak saudara/waris kerana 'menjaga' gadis yang dipinang sepanjang hidupnya.
- d) *Pelit* dibayar sebanyak 2 *pikul* wali kedatuan
- e) *Pelit* dibayar sebanyak 1 *pikul* orang biasa
- f) Suluk (keturunan Suluk) dibayar sebanyak 1 *pikul*
- g) Brunei (keturunan Brunei) dibayar sebanyak 2 *pikul*
- h) Cina (Keturunan Cina) dibayar sebanyak 1 *pikul* (tertakluk kepada waris)
- i) *Kaindangan* (keturunan Sungai) dibayar sebanyak 1 *pikul* (tertakluk kepada waris). Adat Suluk atau *kaindangan* lazimnya diamalkan oleh orang Bajau yang mempunyai

darah Suluk. Biasanya, pengantin perempuan akan diminta untuk memijak darah ayam yang disediakan dalam dulang tembaga, selepas memijak darah itu, barulah pengantin perempuan dibenarkan masuk ke dalam rumah mertuanya.

Selain pemberian (*pikulan*) kepada sanak saudara yang berkait dengan adat-istiadat lain. Pihak keluarga lelaki turut perlu menyediakan *pikulan* untuk diberikan kepada individu-individu yang terlibat sepanjang proses peminangan sehinggalah perkahwinan. Pemberian *pikulan* itu diperincikan sebagaimana berikut.

- a) Adat *Peramaian* bernilai 5 *senantan*, yakni adat yang diberikan kepada semua waris yang mengendalikan upacara peminangan sama ada daripada pihak lelaki atau perempuan. Biasanya, adat ini diserahkan kepada pihak perempuan.
- b) *Benga'* (pembuka bicara) dibayar sebanyak 1 *pikul* atau lebih.
- c) *Getas serirai*, yakni 'saguhati' kepada individu (biasanya dirujuk kepada wakil pihak lelaki dan perempuan semasa proses peminangan) yang menghuraikan atau memperincikan hal-hal berkaitan adat-istiadat yang bernilai 1 *pikul* atau lebih (berdasarkan persetujuan).
- d) *Ramai-ramaian/peramaian* merupakan sumbangan tenaga dan sokongan moral yang diberikan oleh ahli-ahli keluarga kepada rombongan peminangan berjumlah 1 *pikul* atau 5 *senantan*. Sekiranya individu yang meminang itu berasal daripada golongan miskin, dia hanya diminta untuk memberikan sebanyak RM5 sahaja kerana 5 *senantan* bernilai RM10.
- e) *Lemah* (penghias rumah) diberi 'saguhati' sebanyak 1 *pikul* atau lebih.
- f) Pembuka tabir (penjaga tabir) diberikan 5 *senantan*. Walau bagaimanapun, 'saguhati' tersebut bergantung kepada jumlah lapisan tabir yang dijaga. Biasanya terdapat tiga lapis tabir yang perlu dijaga oleh penjaga tabir sebelum pengantin lelaki dibenarkan duduk bersanding di pelamin.

- g) *Damak*, yakni dulang yang mengandungi berjenis-jenis makanan sebagai 'ole-ole' kepada saudara-mara pihak perempuan daripada pihak lelaki.

MAKNA DALAM BERIAN/BARIAN

Berian/barian bagi orang-orang Bajau bukan sekadar suatu bentuk permintaan perkahwinan. Setiap perkara/benda yang diminta semasa proses peminangan mempunyai maksud tersirat yang telah lama diamalkan oleh orang-orang Bajau khususnya di daerah Kota Belud. Didapati perkara-perkara seperti (a) *Pikul/lukut*; (b) kerbau; (c) kuda; (d) tawag; (e) pedati; dan (f) [se-] lapa' mempunyai maksud tersirat dan menjadi lambang identiti orang-orang Bajau.

1. Makna, peranan dan manifestasi *pikul/lukut*

Setiap satu isi kandungan *pikul/lukut* dapat memberi gambaran bahawa keperluan-keperluan asas manusia Bajau bergantung kepada corak hidup mereka sebagai petani. Kerbau, kuda dan peralatan-peralatan benda yang diminta sebenarnya lebih bersifat keselamatan dengan maksud untuk mempermudah kehidupan. Kehidupan tradisional lebih menekankan kepada pencarian sumber kehidupan yang asas seperti makan, pakai dan keselamatan. Oleh yang demikian, tujuan isi *pikul/lukut* diminta dengan maksud untuk memudahkan kehidupan berkeluarga bagi pasangan pengantin baru itu nantinya.

Seandainya, salah satu daripada kandungan *pikul/lukut* dalam satu-satu proses peminangan itu tidak dipatuhi maka, keadaan ini akan melambatkan atau menyebabkan proses perkahwinan akan tergendala. Oleh yang demikian, pihak lelaki perlulah menyediakan kesemua permintaan yang ditetapkan oleh pihak perempuan berdasarkan statusnya. Dalam sesetengah keadaan, denda adat akan dikenakan kepada pihak lelaki jika tidak dapat memenuhi tuntutan pihak perempuan. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak lelaki berasal daripada kelompok etnik yang berbeza, biasanya isi kandungan *pikul/lukut* dibenarkan untuk ditukarkan dengan nilai wang. Keadaan ini dibenarkan untuk mengelak 'kejutan budaya' kepada pihak keluarga pihak lelaki serta, bertujuan memudahkan semua isi kandungan *pikul/lukut* disertakan. Namun, pihak lelaki masih perlu mematuhi peraturan-peraturan adat lain yang telah ditetapkan kepadanya.

Secara tegas istilah *pikul/lukut* dalam adat perkahwinan Bajau menampakkan dengan jelas perkara-perkara berikut.

- a) Status/taraf sosial yang telah diakui sejak zaman berzaman. Peraturan telah ditetapkan dengan jelas bahawa setiap seseorang individu berasal daripada darah keturunan yang berbeza dalam masyarakat dan, perbezaan itu perlu ditandai dengan peralatan-peralatan budaya dan tanda-tanda budaya yang digunakan dalam kalangan etnik itu.
- b) *Pikul/lukut* dapat memaparkan betapa kehidupan bertani telah banyak mempengaruhi pemikiran masyarakat Bajau. Kerbau atau sapi (lembu) misalnya, menjadi agenda utama setiap kali berlangsungnya proses peminangan. Hal ini bermakna, kerbau atau sapi (lembu) dilihat sebagai lambang dan tanda kekayaan yang perlu dimiliki oleh setiap pasangan atau keluarga. Keadaan ini tidak menghairankan kerana, ketika kehidupan tradisional masih 'berkuasa', individu yang mempunyai kerbau atau sapi (lembu) yang banyak dianggap sebagai individu yang kaya. Sehingga kini, daerah Kota Belud yang terletak di utara Sabah misalnya masih boleh menggambarkan keadaan tersebut.
- c) Setiap kandungan *pikul/lukut* yang diminta dapat memaparkan keamatan hubungan antara ahli-ahli dalam masyarakat Bajau. Ini kerana pemberian bagi setiap satu *pikul/lukut* tersebut, nantinya akan dibahagikan kepada kalangan ahli-ahli keluarga atau individu-individu yang terlibat dalam proses peminangan. Ibarat pepatah Bajau yang menyatakan *mangan nia' mangan, sukur jo kurung-kurung* [makan atau tidak, yang penting berkumpul bersama].
- d) Kandungan *pikul/lukut* tersebut sekaligus dan secara tidak langsung dapat memaparkan kekangan-kekangan yang wujud dalam kehidupan bermasyarakat. Peraturan-peraturan sedia ada tersebut perlu dipatuhi dengan cermat dan terpadu kerana, ia telah diterima pakai sejak zaman-berzaman. Sekiranya ada usaha untuk melanggar atau membantah kandungan *pikul/lukut*

yang telah ditetapkan, bermaksud individu itu telah sedia menempah nama buruk yang akan diingati oleh setiap anggota masyarakat. Malah, kadang-kadang kegagalan mematuhi kandungan *pikul/lukut* akan menyebabkan perkahwinan tidak boleh dilangsungkan.

Dalam masyarakat Bajau, adat turut dilihat sebagai satu petunjuk struktur sosial seseorang individu dalam masyarakat. Deskripsi yang diberikan tentang adat dalam setiap proses peminangan memperlihatkan betapa ahli-ahli masyarakat ini berusaha untuk mengekalkan adat yang telah lama dipegang oleh masyarakat ini. Dengan berdasarkan kandungan adat yang dipaparkan, didapati masyarakat Bajau merupakan sebuah masyarakat tersusun yang dikonstruksikan menerusi pelbagai kategori individu yang, memiliki keistimewaan dengan tanda-tanda kebesaran tertentu selama sesuatu upacara berlangsung sebagai penanda status.

2. Makna Kerbau

Memandangkan orang-orang Bajau adalah petani maka, kerbau betina akan diminta sebagai *tekok penongot*. Secara literal, *tekok penongot* bererti 'kepala mahar/mahar utama'. *Tekok penongot* adalah mas kahwin yang menjadi milik mutlak seorang perempuan yang dipinang. Kerbau ini tidak boleh disembelih atau dijual. Sekiranya berlaku perceraian maka, *tekok penongot* akan diminta untuk dikembalikan. Sekiranya si lelaki tidak mampu mengeluarkan *tekok penongot*, permintaan itu boleh ditangguhkan namun, si perempuan masih berhak menuntut *tekok penongot*. Biasanya kerbau betina diminta sebagai *tekok penongot* kerana kerbau itu boleh membiak selain dijadikan sebagai mesin/ alat tenaga kerja di sawah.

3. Makna Kuda

Pada zaman dahulu, orang-orang Bajau memerlukan kuda sebagai alat pengangkutan untuk keluar bekerja ke kawasan yang jauh dari rumah. Selain itu, kuda juga diperlukan untuk mencari kerbau atau sapi yang hilang. Kuda turut dapat membantu petani di sawah, yakni dijadikan sebagai pengangkutan untuk mengangkat padi keluar dari kawasan sawah. Dengan perkataan lain, kuda diperlukan sebagai sumber sara hidup lelaki Bajau. Kini, kuda tidak lagi dilihat sebagai suatu keperluan

pengangkutan. Meskipun demikian, semasa proses peminangan, kuda masih disebut sebagai salah satu permintaan perkahwinan dan diperjelaskan kepada wakil pihak lelaki sebab-musabab kuda diminta sebagai salah satu inti *berian/barian* tetapi, kuda kemudiannya ditukar kepada nilai wang.

4. Makna *Tawag*

Alat ini berfungsi sebagai alat untuk memberitahu sesuatu perkara sama ada berbentuk kegembiraan atau kesedihan, memerlukan bantuan dan pelbagai fungsi lain. Dengan perkataan lain, *tawag* merupakan alat komunikasi bersifat bunyi-bunyian. Ia akan dipalu sekiranya berlaku sebarang masalah atau terdapat perkara yang perlu dimaklumkan kepada seluruh penduduk kampung. Misalnya, *tawag* dipalu untuk memberitakan kematian dalam kalangan *jomo datu* dan, paluan seperti itu dikenali sebagai *balu-balu*.

5. Makna *Pedati*

Meriam kecil yang diperbuat daripada tembaga; *rentaka*, yakni, meriam besar yang diperbuat daripada tembaga; *karis*, *bujak*/lembing. *Pedati* diperlukan sebagai senjata kepada lelaki Bajau. Pada zaman dahulu, lelaki Bajau tidak akan keluar rumah tanpa mengikat *karis* dipinggang. Ini bermakna, *karis* merupakan senjata yang mesti dibawa oleh semua lelaki Bajau sebagai alat mempertahankan diri.

6. Makna [se]lapa'

Pada zaman dahulu, apabila ada tetamu yang bertandang ke rumah orang-orang Bajau, [se]lapa' dan *tigur* akan dihadapkan kepada tetamu. Ini bermakna sebelum air dihidang yang pertama akan menghadap tetamu adalah [se]lapa' yang mengandungi sirih pinang dan rokok daun tembakau.

Ke semua benda yang disebut dan diminta sebagai *pikul/lukut* dalam *berian/barian* perkahwinan Bajau itu adalah untuk kegunaan bersama dengan pasangannya kelak. Memandangkan perubahan zaman, kini kebanyakan inti kandungan *pikul/lukut* itu hanya disebut sahaja dan benda-benda itu akan ditukar dengan nilai wang dan tidak lagi disediakan sebagaimana pada zaman dahulu.

PERBINCANGAN

Keinginan sesuatu kelompok pendukung budaya untuk memaparkan keistimewaan atau keunikan budayanya bukanlah suatu yang aneh. Hal ini secara tidak langsung berkaitan dengan konsep diri yang mahukan interaksi dengan orang lain di dalam masyarakat mahupun di luar masyarakat. Jadi untuk membayangkan identiti sesuatu etnik atau budaya itu maka, diperlukan konsep diri yang turut dijelaskan oleh Mead (1934) sebagai satu pembentukan identiti etnik. Dalam konteks ini, identiti dan budaya orang-orang Bajau dapat dijelaskan melalui permintaan *berian/barian* perkahwinan yang berbeza daripada kelompok masyarakat lain.

Orang-orang Bajau masih memelihara *berian/barian* sebagai satu identiti etnik dan secara tidak langsung telah memperluaskan lingkungan sosial identiti berkenaan kepada kelompok lain khusus dalam konteks perkahwinan campur antara individu Bajau dengan individu dari luar kelompok Bajau. Dunia sosial orang-orang Bajau mewujudkan pelbagai skema rujukan yang perlu dipatuhi agar adat tradisi itu terpelihara dan dapat diteruskan kepada generasi berikutnya. Pengetahuan ini akan didasarkan pada seluruh nilai dan norma sosiobudaya masyarakat, baik yang tradisi mahupun yang moden, yang dimiliki secara bersama. Selain itu, orang-orang Bajau juga ditandai oleh perbezaan antara nilai-nilai yang berkaitan dengan kelompok dalam keakraban, solidariti dan informaliti dengan nilai-nilai yang berkaitan dengan kelompok luar yang menekankan formaliti dan perbezaan status (Saidatul Normis 2011).

Berian/barian dalam budaya Bajau Kota Belud merupakan suatu perkara unik yang dimiliki oleh mereka. Memandangkan orang-orang Bajau di daerah Kota Belud masih mempertahankan status keturunan berasaskan '*jomo*' maka, ia secara tidak langsung turut memperlihatkan penerusan permintaan *berian/barian* berdasarkan status gadis. Ia juga memperlihatkan keturunan setiap individu adalah berbeza di daerah ini. Status sedemikian bukan sahaja terpancar dalam aspek perkahwinan sebaliknya, ia berterusan sehingga melibatkan hal-hal kematian. Permintaan *berian/barian* sedemikian hanya dipraktikkan oleh orang-orang Bajau di Kota Belud. Ia berlaku kesan daripada perkahwinan campur dengan kelompok Datu yang berbangsa Iranun pada suatu ketika dahulu (temu bual: Hj. Ibrahim bin Kadir). Kesannya berterusan sehingga kini kerana terbentuknya generasi etnik Bajau yang berdarah keturunan datu (*jomo datu*). Keunikan sedemikian menjadikan amalan budaya perkahwinan dalam kalangan orang-orang Bajau di Kota Belud unik.

Berdasarkan kepada inti/permintaan *berian/barian* dan adat istiadat perkahwinan yang dipaparkan sebelumnya, dapat dirumuskan lima perkara berikut. Pertama, peraturan sosial - kewujudan *diat*/denda adat bukan merupakan satu beban yang sengaja direka. Denda adat dicipta atas keperluan ahli-ahli masyarakat pendukungnya untuk menjaga kesejahteraan dan keselamatan seluruh ahlinya. Tanpa penciptaan dan penggubalan denda adat, pasti berlaku kekecohan yang bakal atau mungkin menimbulkan masalah dan, masalah terbabit pasti akan meresahkan para ketua, sekiranya tidak wujud peraturan untuk mengawal, mengekang dan mengatasinya. Kelahiran denda adat juga telah ditentukan sejak berzaman lamanya. Ia telah dipersetujui oleh seluruh nenek moyang kedua-dua kelompok ini dan, mereka telah mempraktikkannya ke dalam kehidupan bermasyarakat. Persetujuan bersama secara tidak langsung telah menyelamatkan banyak keadaan yang tidak diinginkan. Sebagai contoh, jika seseorang melakukan kesalahan menumbuk seseorang yang lain, dan perbuatan itu menyebabkan individu yang ditumbuk itu cedera maka, semua ketua adat akan berbincang untuk menentukan denda yang bakal dikenakan kepada si pesalah. Biasanya atas muafakat dalam kalangan ketua maka, si pesalah akan dikenakan denda adat membayar segala perbelanjaan si mangsa dan membayar *diat* seperti seekor ayam atau kerbau (bergantung kepada besarnya kecederaan yang dialami oleh mangsa). Dengan adanya *diat* sedemikian, pasti ahli-ahli masyarakat yang mendengarnya akan berasa takut atau berfikir semula untuk mengulangi kesalahan yang serupa. Tingkah laku ahli-ahli masyarakat dapat dikawal secara tidak langsung dengan adanya *diat*/denda adat ini.

Demikian halnya dalam istiadat perkahwinan, sekiranya orang biasa melaksanakan istiadat yang bukan miliknya maka, *diat* atau denda adat turut berperanan. Contohnya, perbuatan mengusung pengantin lelaki hanya boleh dibuat jika si lelaki berketurunan *Datu*. Jika orang biasa melaksanakannya maka, *diat* sebanyak dua *pikul* akan dikenakan. Dengan batas yang dikenakan maka, ahli masyarakat tahu dan faham bahawa bukan semua jenis adat boleh dilakukan secara sewenang-wenangnya, sebaliknya, ia dilakukan bersumberkan kepada darah keturunan seseorang individu. Dengan kewujudan denda adat, ia sekurang-kurangnya berperanan mengurangkan masalah-masalah sosial dalam masyarakat dan ia turut dan mengekang keinginan individu untuk melakukan kesalahan yang dipandang serong masyarakat.

Kedua, sistem kepimpinan dalam masyarakat - denda adat dan penggunaan adat kedatuan dalam istiadat perkahwinan secara tidak langsung memaparkan hierarki kepimpinan yang wujud dalam etnik Bajau. Hanya individu berketurunan *Datu* sahaja menggunakan adat kedatuan. Sekiranya wujud individu lain yang sengaja menaikkan keturunannya tanpa izin maka,

individu itu akan dikenakan denda adat yang agak berat. Dendanya bersifat kepanasan seluruh kampung, iaitu dengan dikenakan denda seekor kerbau. Kepentingan kewujudan denda adat secara tidak langsung menunjukkan kepatuhan ahli-ahli masyarakat kepada ketua-ketua yang dipilih oleh seluruh ahli masyarakat. Biasanya untuk menentukan sesuatu hukuman, semua ketua-ketua adat akan berkumpul bagi melaksanakan perbicaraan. Satu-satu perbicaraan turut sama dihadiri oleh oleh Pegawai Daerah (kini). Pada masa silam, ketua-ketua adat berkuasa penuh untuk menjatuhkan hukuman kepada si pesalah. Demikian halnya dengan adat kedatuan yang dipegang oleh individu berketurunan *Datu*. Dalam masyarakat Bajau, terdapat beberapa tingkat darah keturunan yang dipegang dan diamalkan oleh individu-individu yang tergolong di dalam tingkat tersebut. Tingkat-tingkat tersebut dikenali sebagai *jomo datu* (orang datu), *jomo sepu* (orang 10), *jomo pitu'* (orang 7) dan hamba (kini hamba telah dinaikkan taraf mereka kepada orang 7). Bagi etnik ini, kebanyakan ketua lahir daripada tingkat kedatuan. Kelebihan ini memberikan banyak hak kepada individu dalam tingkat ini bertindak selaku pembuat keputusan. Keadaan ini menyebabkan individu-individu dalam tingkat lain akur untuk menerima bahawa *jomo datu* seolah-olah bertindak sebagai ketua mereka (meskipun bukan semua *Datu* adalah pemimpin). Memandangkan ahli-ahli masyarakat Bajau seolah-olah bersetuju dengan keadaan ini maka, pelangsungan adat resam telah dilaksanakan sejak sekian lama. Akhirnya, denda adat dan adat perkahwinan *Datu* seolah-olah dinilai setinggi sistem kepimpinan yang wujud dalam masyarakat.

Ketiga, lambang struktur sosial – penstrukturan sistem sosial yang diamalkan oleh etnik Bajau merupakan adat tradisi yang diturunkan daripada satu generasi lama kepada generasi kini. Pengamalan dan pemeliharaan ke atas sistem sosial ini telah menyebabkan kelangsungan amalan ini bertahan. Hal ini tercetus hasil amalan prinsip permuafakatan dan persefahaman antara ahli-ahli dalam etnik ini. Tanpa sedar, sebenarnya struktur sosial telah diperlihatkan dan dipertahankan secara tidak langsung, yakni berlaku peneguhan struktur sosial yang sedia terbina dalam masyarakat ini sekian lama. Keteguhan struktur sosial ini agak sukar untuk digugat kerana, ia telah sedia bertapak kukuh. Walau apapun tanggapan masyarakat luar terhadap struktur sosial yang diamalkan, ia merupakan lambang keutuhan struktur sosial, yang diwakili oleh tiga kategori sosial, iaitu *jomo datu*, *jomo sepu* dan *jomo pitu'*. Kedua-dua dimensi sosial ini turut berupaya menjadi lambang keteguhan solidariti yang ada dalam masyarakat ini.

Keempat, keteguhan adat-istiadat - penegasan pelaksanaan *berian/barian* dalam kehidupan berkeluarga orang-orang Bajau tidak pernah dilihat sebagai satu perkara yang menyusahkan sesama anggotanya. Meskipun demikian, berkemungkinan dari kalangan ahli etnik lain, permintaan dalam *berian/*

berian mungkin ditanggap sebagai aneh, apatah lagi dalam kalangan penduduk dari Semenanjung Malaysia. Jika diambil kira dalam konteks Borneo amnya dan Sabah khususnya, permintaan *berian/berian* seumpama perbincangan sebelumnya bukanlah suatu yang ganjil. Hal sedemikian itu juga diamalkan dalam kalangan kumpulan etnik lain. Di Sabah, setiap kumpulan etnik mempunyai permintaan *berian/berian* berbeza-beza namun, dalam sesetengah keadaan permintaan *berian/berian* hampir sama kerana konteks budaya yang hampir sama melatarbelakangi penduduk etnik Sabah. Permintaan *berian/berian* etnik Bajau sedemikian rupa membayangkan betapa status seseorang perempuan itu perlu ditegaskan dan diteguhkan melalui garis perkahwinan. Pengamalan adat tradisi dan penetapan inti *berian/berian* sedemikian menggambarkan betapa garis keturunan itu penting; garis persanakan itu penting dalam hal penerusan waris dan status; serta memperlihatkan betapa moden peredaran zaman, adat kekal tidak akan diubah kerana itu merupakan cara untuk memelihara, meneguh dan menunjang adat-istiadat sebagai satu identiti etnik.

Kelima, simbol perpaduan masyarakat - Kota Belud yang dihuni oleh pelbagai keturunan pasti mencorakkan kepelbagaian adat resam dan adat istiadat. Kerencaman itu telah mewujudkan satu warna-warni adat yang menarik untuk diteliti namun, usaha penelitian turut memerlukan kefahaman budaya yang mendalam. Jika kita meneliti satu demi satu inti *berian/berian* yang diminta, pasti kita akan berasa risau terhadap permintaan berkenaan. Jika kita benar-benar memahami makna di sebalik semua *berian/berian* maka, kita akan menilainya dari sudut positif kerana membabitkan *world view* pendukungnya. Secara tersirat inti *berian* itu melambangkan kesepaduan erat yang dihargai oleh seluruh pendukungnya. Meskipun pengkategorian struktur sosial jelas terbatas kepada tiga *jomo* namun, setiap satunya memperjelaskan cara individu-individu di dalam struktur berkenaan beraksi. Tindakan melampau akan mendatangkan denda adat maka, secara tidak langsung wujud keakuran budaya dan keakuran terhadap struktur sosial yang telah berlangsung sejak ratusan tahun lalu. Keakuran sedemikian akhirnya membentuk keharmonian dan kesepaduan sesama anggota Bajau.

KESIMPULAN

Secara tersurat, paparan tentang kandungan *berian* tersebut seolah-olah memperlihatkan orang-orang Bajau seperti bersifat kebendaan. Namun secara tersirat, semua perkara atau benda yang diminta memaparkan bahawa sesebuah kehidupan baru bermula dengan sebuah perkahwinan, diasaskan oleh *berian/berian* dan *pikul/lukut* yang mereka bawa seusia hayat akan perlu diteruskan ke generasi berikutnya dan melambangkan kedudukan sosial mereka dalam masyarakat.

Seyogianya ditegaskan bahawa kepelbagaian amalan budaya dan adat tradisi etnik Bajau tidak lahir secara wewenang. Ia melalui proses berzaman lamanya, budaya ini telah diuji oleh masa dan disesuaikan dengan keadaan zaman yang didukung. Oleh itu, generasi muda kumpulan etnik ini tidak boleh memansuh, mengelak atau membuang langsung adat tradisi perkahwinan yang diamalkan oleh kesemua *jomo* berkenaan. Perkahwinan campur telah turut memeriahkan keadaan, yakni dengan kelahiran generasi muda yang berkemungkinan boleh diharapkan sebagai penerus tradisi budaya yang wujud. Pematuhan terhadap *diat/denda* adat dan adat perkahwinan ini turut dijana oleh faktor kesedaran akan perlunya generasi kini dan generasi akan datang maklum dan mengenal asal usul mereka. Berkemungkinan, kandungan adat ini ditanggapi oleh kelompok luar sebagai suatu hal yang pelik, sesungguhnya, ia merupakan tradisi dan norma budaya Bajau yang telah berlangsung lama. Bertahan atau berubahnya norma ini banyak bergantung kepada usaha generasi muda kini sama ada untuk terus meninggalkannya atau mengadaptasikannya dengan budaya masyarakat Melayu yang begitu banyak mempengaruhi kehidupan mereka sehari-hari.

INFORMAN

- 1) En. Golkhan bin Hasbollah
- 2) Hj. Ibrahim bin Kadir
- 3) Hj. Mahali bin Hj. Md. Wakman
- 4) Puan Sharif Dampelak binti Sharif Junit

RUJUKAN

- Datu Bandira Datu Alang. 1992. *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ferraro, G. 2012. *Cultural Anthropology: An Applied Perspective*. 7th Edition. US: Thomson Wadsworth.
- Galvin, A. D. 1990. The Tagal Murut. Dlm. *Social Organization of Sabah Societies*, disunting oleh Sherwood G. L., 39-61. Kota Kinabalu: Sabah Museum.
- Harrison, T. 1974. The Bajaus: Their origins and wide importance. *Sabah Society Journal* VI: 38-41.
- Ismail Ibrahim. 2007. Murut: Menyusuri budaya dan kewujudan masyarakat awal di Sabah. Dlm. *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah*, disunting oleh Saidatul Normis Hj. Mahali, 63-118. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Jabatan Perangkaan Sabah. 2013. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan negeri Sabah.
- Kamus Bahasa Melayu Brunei. 2007. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa & Pustaka Brunei.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara. 2003. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa & Pustaka Brunei.
- Mat Noor Mat Zain, Che Maryam Ahmad & Zuliza Mohd Kasrin. 2012. Perkahwinan adat Rembau,

- Negeri Sembilan dalam Penulisan C.W.C Parr & W.H Mackray. *Jurnal Melayu* 9: 171-189
- Mead, G. H. 1934. *Mind, Self and Society: From a Standpoint of a Social Behaviorist*. Charles M. (ed.). Chicago: University of Chicago Press.
- Murdock, G. P. 1947. *Social Structure*. New York: Macmillan Press.
- Noor Risma Salfina Muhamad Rozali. 2006. *Etnik di Sabah*. Petaling Jaya: Penapro Sdn. Bhd.
- Norazit Selat. 1993. *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Radik Taim. 2013. Adat resam dan pantang larang suku kaum Bajau-Sama. Dlm. *Adat resam dan pantang larang suku kaum di Sabah*, disunting oleh Panel Penulis, 8-26. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2008. Interaksi sosial dalam Isun-Isun Bajau. *Akademika* 74 (12): 59-87
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2011. *Kalang Mpat* sebagai teknik interaksi Bajau Darat di Sabah. *Jurnal Melayu* 7: 217-238
- Zaini Mohd Isa. 1969. *Kebudayaan dan Adat Resam Kadazan dan Murut*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Saidatul Nornis Mahali
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
88400 Kota Kinabalu
Sabah
MALAYSIA
E-mail: saidatul@ums.edu.my

Received: 25 July 2014

Accepted: 17 December 2014

